

## **Ancaman Kala Jengking: Analisis Berasaskan *Sharh Al-Hadith***

### ***Scorpion Threat: an Analysis Based on Understanding of Al-Hadith***

Mohd Farhan Md Ariffin<sup>1</sup>, Khadher Ahmad<sup>2</sup>, Muhammad Ikhlas Rosele<sup>3</sup>, Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff<sup>4</sup>.

<sup>1</sup>Calon Kedoktoran, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith (JQH) Akademi Pengajian Islam (API) Universiti Malaya, al.muqarrobiin@gmail.com

<sup>2</sup>Khadher Ahmad. Ph.D, Pensyarah Kanan di JQH API UM, khadher82@um.edu.my

<sup>3</sup>Muhammad Ikhlas Rosele. Ph.D, Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul API UM, ikhlas@um.edu.my

<sup>4</sup>Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff, Calon Sarjana di JQH API UM, sabirinyusoff92@gmail.com

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 22 Julai 2018

Selepas Pembetulan: 22 Julai 2018

Diterima untuk terbit: 22 Nov 2019

#### **Abstrak**

Kala jengking merupakan haiwan yang digeruni kerana mempunyai racun atau bisa berbahaya yang dikeluarkannya ketika menyengat. Di negara-negara tertentu, kala jengking dianggap sebagai seteru yang boleh menyebabkan kematian. Hal ini disokong dengan bukti statistik yang membuktikan bahaya dan ancaman sengatan kala jengking. Oleh itu, langkah awal pencegahan berbentuk pendidikan dan kefahaman awal amat penting, terutamanya dengan memahami konsep "interaksi dengan haiwan perosak" bagi mengelakkan sebarang konflik mendatang. Signifikannya, Nabi Muhammad SAW telah memperingatkan mengenai bahaya dan ancaman kelompok haiwan perosak termasuk kala jengking. Justeru, melalui aplikasi metodologi analisis induktif dan deduktif, makalah ini bertujuan mengupas fiqh al-Hadith berkenaan ancaman kala jengking. Data utama perbincangan diperolehi daripada perbincangan ulama' terdahulu dan kontemporari. Kajian ini penting bagi memberi panduan kepada masyarakat mengenai mudarat yang mampu dijelmakan haiwan tertentu serta penjelasan teknik kawalan paling berkesan menurut al-Sunnah tanpa meminggirkan hak-hak eksklusif haiwan. Hasil kajian mendapati sengatan berbisa kala jengking merupakan ancaman dan penyebab masalah kesihatan manusia. Artikel ini turut memuatkan himpunan hadith Nabi SAW mengenai sifat kala jengking dan hukum membunuhnya. Selain itu, artikel ini turut memuatkan enam [6] set nilai dan etika dalam berinteraksi dengan haiwan fasiq dan lima [5] teknik kawalan terhadap haiwan fasiq menurut sharh al-Hadith.

#### **Kata Kunci:**

Kala Jengking, Ancaman, Haiwan Perosak, Signifikan, Teknik Kawalan.

#### **Abstract**

*Scorpion is a feared animal because it has venom or can be harmful when it is stung. In certain countries, scorpions are considered enemies that can cause death. This is supported by statistical evidence proving the dangers and threats of scorpion sting. Therefore, early prevention measures in the form of education and early understanding are important, especially by understanding the concept of "interaction with pests" in order to avoid any future conflicts. Significantly, the Prophet Muhammad has warned about the dangers and threats of pests, including scorpions. Hence, through the application of inductive and deductive analysis methodology, this paper aims to peel fiqh al-Hadith on threat of scorpion. The main data of the debate are derived from previous and contemporary scholars' discussions. This study is important to guide the society in terms of the potential hazards of certain animals and its most effective control techniques according to al-Sunnah without abandoning the exclusive rights of animals. The study found that scythe stinging is a threat and a cause of human health problems. This article also contains a set of Prophetic Hadith on the nature of the scorpion and the law of killing it. Additionally, this article also includes six [6] sets of values and ethics in interacting with fasiq animals and five [5] its control techniques according to sharh al-Hadith.*

**Key words:**

*Scorpion, Threat, Pest, Significant, Control Technique.*

**Pengenalan**

Kala jengking merupakan haiwan kecil berkaki lapan yang mempunyai dua sepit dan sengat pada ekornya (Noresah Baharom et al., 2005). Menurut definisi kamus bahasa Inggeris, kala jengking dikenali sebagai "*scorpion, a creature which looks like a large insect and lives in hot countries. Scorpion has a long curved tail with a poisonous sting in it*" iaitu kala jengking merupakan makhluk yang kelihatan seperti seekor serangga besar yang hidup di negara-negara panas. Ia mempunyai ekor panjang yang melengkung dengan sengat yang beracun (Keith Brown et al., 2007).

**Ciri-Ciri Biologi Kala Jengking**

Kala jengking merupakan haiwan *arachnida* yang berbadan panjang dan mempunyai mata ringkas seperti labah-labah (Paula Hammond, 2004). Kala jengking mampu membesar sepanjang 2 sentimeter sehingga lebih daripada 20 sentimeter bergantung kepada spesiesnya. Ia mampu hidup dalam kawasan beriklim ekstrem bahkan tanpa sebarang makanan selama berbulan (Genevieve De Becker, 2006).

Sebagaimana haiwan lain dalam keluarga *arachnida*, kala jengking mempunyai mulut disebut "*khelisera*" dan sepasang "*pedipalpus*." *Pedipalpus* bukan sahaja bertindak sebagai sepasang penyepit digunakan untuk menangkap mangsa dan alat pertahanan diri, akan tetapi turut dilengkapi rambut halus sebagai *sensor* (penerima isyarat kimia) (Steve Stedford, 2005).

Tubuhnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu *cephalothorax* dan *abdomen*. *Cephalothorax* ialah bahagian kepala yang menempel dengan *thorax* dan ditutup oleh pelindung kepala yang dilengkapi sepasang mata median dan dua hingga lima pasang mata lateral di hadapan. Ekor beruas kala jengking yang melengkung bertindak sebagai penyengat beracun bertujuan melumpuhkan mangsa (Hope B. Werness, 2003).

Tempoh bunting kala jengking boleh menjangkau selama beberapa bulan bahkan setahun bergantung kepada spesies. Rata-rata seekor kala jengking betina mampu melahirkan dua puluh lima hingga tiga puluh lima ekor anak. Kala jengking

boleh hidup selama 3-5 tahun bahkan beberapa spesies kala jengking mampu hidup sehingga 25 tahun (Paula Hammond, 2004).

#### Spesies Kala Jengking

Kala jengking merupakan spesies *artropoda terstian* tertua. Fosil berusia empat ratus tiga puluh juta tahun yang ditemukan memiliki penampilan serupa dengan spesies kala jengking semasa. Sehingga kini terdapat 1400 jenis kala jengking di seluruh dunia (Hope B. Werness, 2003).

Misalnya kala jengking gurun sahara, kala jengking berwarna hijau kehitam-hitaman yang biasanya terdapat di tempat-tempat gelap (*heterometrus longimanus*), kala jengking berwarna kuning-kekuningan dan berbintik-bintik hitam yang biasanya terdapat di rumah-rumah (*isometrus maculates*). Manakala jenis kala jengking yang banyak ditemukan di Asia adalah dari jenis *heterometrus spinifer* (*Asian forest scorpion*) (Paula Hammond, 2004).

#### Tabiat Kala Jengking

Kala jengking merupakan komponen penting dalam ekosistem. Kala jengking mendiami habitat luas di gurun, hutan, gua, padang rumput, bahkan pernah ditemukan di bawah tompokan salji pada ketinggian melebihi 12,000 kaki di pergunungan Himalaya (Genevieve De Becker, 2006).

Kala jengking merupakan haiwan yang hidup bersendirian. Kebiasaannya, kala jengking lebih banyak bergerak pada waktu malam. Pada waktu siang, kala jengking menghabiskan masa di bawah batu atau tanah untuk mengelakkan dari kepanasan (Genevieve De Becker, 2006).

Kala jengking hidup dengan memakan haiwan lain seperti labah-labah, cacing dan vertebrata kecil. Kala jengking mencari makanan dengan cara mengesan getaran di atas tanah. Kala jengking menerkam mangsanya dengan penyepit, lantas menyuntikkan bisa ke dalam badan mangsa sehingga lumpuh sebelum memakannya (Steve Stedford, 2005).

#### Ancaman Kala Jengking

Kala jengking dikenali dengan sengatan bisa yang menyakitkan dan berpotensi membawa maut. Namun begitu, daripada lebih 1500 spesies kala jengking, hanya 25 spesies yang membawa maut. Antara spesies paling berbahaya ialah kala jengking gurun sahara. Sengatannya mampu membawa maut serta merta (Genevieve De Becker, 2006).

Namun begitu, bisa kala jengking lazimnya digunakan bagi mencari makanan, mempertahankan diri dan untuk mengawan. Semua jenis kala jengking mempunyai bisa dan dapat menyengat, akan tetapi secara alamiah kala jengking cenderung bersembunyi atau melarikan diri daripada manusia (Upik Kesumawati Hadi, t.t.).

Bisa kala jengking merupakan campuran kompleks *neurotoksin* (racun saraf). Setiap jenis kala jengking mempunyai campuran beracun unik digunakan untuk menyengat. Kala jengking dapat mengendalikan aliran racun yang disuntik. Meski racun yang disuntik sedikit, sudah mampu membunuh kanak-kanak dan orang dewasa yang alah terhadap bisa kala jengking (Gouge, 2011).

Sengatan berbisa kala jengking merupakan ancaman dan penyebab masalah kesihatan di Afrika, India, Asia Barat, Turki, Perancis, Sepanyol, Mongolia, China, Asia Tengah dan Amerika. Berdasarkan statistik di Mexico, kala jengking membunuh lebih

banyak nyawa berbanding ular (Agustin, 2013). Sepanjang 1980, kira-kira lapan ratus kes kematian dicatatkan akibat sengatan kala jengking. Di Tunisia, kala jengking meragut hampir empat ratus nyawa setiap tahun.

Menurut satu kajian yang telah dijalankan pada tahun 2012, jumlah kes sengatan kala jengking di seluruh dunia pada setiap tahun adalah sekitar 1.23 juta kes di mana lebih 32250 kes mungkin mengakibatkan kematian. Hanya melalui rawatan awal dan pemberian dos anti bisa kala jengking serta pemantauan di unit kawalan rapi mampu menyelamatkan nyawa (Himmatrao, 2012).

Sengatan kala jengking jauh lebih berbisa dibandingkan patukan ular tedung selar. Apabila terjadi kematian akibat sengatan kala jengking, umumnya disebabkan bisa telah menular ke bahagian saraf yang menyebabkan kegagalan jantung seterusnya menjejaskan sistem pernafasan (Paula Hammond, 2004).

### Fasiq Menurut Pandangan Ulama'

Imam al-Qurtubi<sup>1</sup> dalam tafsirnya, *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* menyatakan bahawa "*fasiq*" bermakna "keluar" (yakni "keluar" dari jalan syariat Islam. "Keluar" (melanggar) perintah Allah SWT, "keluar" (tidak mengambil) apa yang diharamkan dan menghalalkan perkara diharamkan Allah SWT. Maka, setiap kelakuan mungkar adalah tergolong fasiq (dosa) (al-Qurtubi, 2006).

Ibn Abu Hatim<sup>2</sup> dalam tafsirnya, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, menyatakan "*fasiq*" merujuk kepada beberapa pengertian: [*Pertama*]: (وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ), golongan yang tidak berhukum dengan hukum Allah SWT. Meninggalkan hukum hakam dalam al-Quran dan al-Sunnah seperti hudud dan qisas. [*Kedua*]: (الكفار), golongan kafir dari Yahudi dan Nasrani. Yahudi mengatakan 'Uzayr itu anak Allah SWT, manakala Nasrani mengatakan tuhan terdiri dari tiga, iaitu Maryam, Jibril (*roh kudus*) serta 'Isa. [*Ketiga*]: pelaku maksiat (العاصون). Golongan yang suka melakukan maksiat dan melanggar perintahnya. [*Keempat*]: golongan pendusta (الكاذبون), mereka yang mendustakan syariat dan tidak mempedulikan arahan dan sunnah Nabi SAW (Ibn Abi Hatim, 1997).

Ibn Kathir<sup>3</sup> turut menyatakan orang *fasiq* ialah pelaku dosa besar (الذنوب الكبار والعصيان), pendusta dan penipu, suka menabur fitnah serta gemar melakukan kerosakan. Allah SWT melarang umat Islam mengikut jejak pelaku kerosakan (المفسدين). Malahan *khobar* yang dibawa oleh si *fasiq* perlu diteliti terlebih dahulu dan jangan mudah percaya. Hal ini kerana berkemungkinan besar ia terdedah kepada fitnah, penipuan dan kesalahan (Ibn Kathir, 2000).

Menurut Abu al-Haytham, "*fasiq*" boleh jadi "syirik (kufur)" dan boleh jadi "suka berbuat kemungkaran." Seseorang dikatakan "*fasiq*" jika sering melakukan maksiat, kerosakan dan melanggar aturan Allah SWT. Oleh itu, seseorang yang cenderung pada maksiat disebut *fasiq* (Ibn Manzur, t.t.).

<sup>1</sup> Beliau ialah Abu 'Abd Allah ibn Ahmad ibn Abi Bakr ibn Farh al-Ansari al-Khazraji al-Andalusi al-Qurtubi. Namun tidak dapat dipastikan tahun kelahirannya. Beliau meninggal dunia pada malam Isnin, 7 Shawwal 671 Hijrah.

<sup>2</sup> Nama sebenar beliau adalah Abu Muhammad 'Abd al-Rahman Ibn Abi Hatim al-Razi. Beliau dilahirkan di al-Rayy pada tahun 240 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 854 Hijrah.

<sup>3</sup> Beliau adalah 'Imad al-Din Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurashi al-Busrawi al-Dimashqi. Dilahirkan pada tahun 701 Hijrah dan meninggal di Damshiq pada tahun 774 Hijrah.

Berdasarkan perbincangan tersebut, penggunaan “*fasiq*” bagi manusia bermakna keluarnya seseorang dari jalan ketaatan kepada Allah SWT dan banyak melakukan maksiat. Manusia *fasiq* turut disebut sebagai “*al-‘As*”. Pengertian “*fasiq*” meliputi semua golongan manusia, tidak kira orang kafir, bahkan layak digelar kepada Muslim yang penipu, pendusta, pelaku mungkar dan kerosakan serta mengeneipkan syariat Islam. Malahan *fasiq* sangat hampir kepada kekufuran.

### Fasiq dan Signifikannya Terhadap Haiwan

Nabi Muhammad SAW ada memperingatkan akan bahaya haiwan tertentu semenjak ribuan tahun dahulu. Ini menjadi dasar perbincangan apabila memperkatakan mengenai haiwan *fasiq* (haiwan perosak) menurut Islam. Sabda baginda SAW;

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "خَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُقْتَلْنَ فِي الْحَرَمِ الْأَقْرَبِ، وَالْعُقْرَبُ، وَالْحَدَّيَا، وَالْغُرَابُ، وَالْكَلْبُ الْعُقُورُ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Saidatina ‘A’ishah RA, Nabi SAW bersabda: “Lima (jenis) haiwan yang *fasiq* dan boleh dibunuh walaupun di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak dan anjing liar.” [Hadith Riwayat al-Bukhari] (al-Bukhari, 2000)

Lafaz “*haiwan fasiq*” dalam hadith bermaksud haiwan perosak, liar, buas, jahat, pengganggu, penceroboh dan berbahaya kepada manusia (Ibn Manzur, t.t.). Kalimah (خَمْسٌ فَوَاسِقٌ) dalam hadith merujuk kepada lima jenis haiwan perosak utama, iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing liar. Namun, ia tidak terhad pada lima haiwan tersebut. Nabi Muhammad SAW turut menyebutkan ular dan cicak dalam riwayat lain.

Penggunaan “*fasiq*” pada haiwan bermaksud dicabut kehormatan sebahagian haiwan disebabkan sifatnya yang membawa datang kemudaratan, kehinaan dan kemusnahan kepada manusia. Berkaitan istilah [الدَّوَابِّ] iaitu haiwan melata, para ulama bersepakat penggunaan istilah ini tidak terhad kepada haiwan darat bahkan meliputi burung-burung yang terbang di awan. Ini berdasarkan dalil keumuman (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2001) dari firman Allah SWT;

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۗ كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ٦

Terjemahan: “Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata.” [Surah Hud (11): 6]

Ketujuh-tujuh haiwan *fasiq* semuanya memiliki sifat zalim yang mengancam kesejahteraan hidup (al-‘Azim Abadi, 1968). Berkenaan jumlah sebenar *fasiq*, Imam al-Suyuti telah menyatakan bahawa lima jenis haiwan *fasiq* yang utama iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing sebagaimana diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar RA tidak bermaksud ianya khusus kepada lima jenis haiwan itu sahaja. Ia hanya merupakan salah satu bentuk *i’tibar* (contoh) dalam menyatakan jenis haiwan *fasiq* dan tidak menjadi dasar ketetapan dalam hujah dan hukum hanya bagi kelima-lima jenis haiwan itu sahaja.

Dalam sebahagian riwayat 'A'ishah RA, dinyatakan dengan lafaz "empat" dan "enam". Adapun hadith yang menyatakan "empat" jenis haiwan fasiq yang dikeluarkan oleh Imam Muslim riwayat al-Qasim dari 'A'ishah RA dengan tidak menyebutkan gagak. Manakala "enam" jenis haiwan fasiq sebagaimana dinyatakan Imam Muslim riwayat dari Abu 'Uwanah dari 'A'ishah RA pula ditambah ular. Dalam hadith riwayat Abu Sa'id al-Khudri RA pula, disebutkan sebanyak "tujuh" jenis haiwan fasiq dengan tambahan "al-Sab'u al-'Adi" iaitu haiwan buas yang biasa secara adatnya memusuhi manusia. Selain itu, dalam hadith riwayat Abu Hurayrah RA yang dikeluarkan oleh Ibn Khuzaymah, ada dinyatakan harimau dan serigala yang menjadikan "sembilan" haiwan fasiq. Hadith sama turut dikeluarkan oleh Ibn Abu Shaybah, Sa'id Ibn Mansur dan Abu Dawud dari jalan Sa'id Ibn Musayyib.

Kemungkinan Nabi SAW menyebutkan kelima-lima jenis haiwan ialah pada mulanya dan kemudiannya baginda SAW menyebutkan selepas itu jenis-jenis haiwan lain yang sama hukum dengan lima haiwan yang utama. Maka, bilangan "lima" haiwan fasiq tidak thabit (tetap kepada bilangan lima) (al-Ityubi al-Wallawi, 1996).

Namun begitu, berkenaan empat, lima, enam atau tujuh jenis haiwan *fasiq* hanya untuk menunjukkan persepakatan ulama tentang 'illah (kecacatan) sifat haiwan tersebut iaitu "menyakiti" ('aqur), "tidak bermanfaat" dan "suka berbuat kerosakan" pada manusia (al-Sanusi al-Hasani, t.t.).

Dalam bahasa mudahnya, ia bermaksud "*haiwan perosak*" iaitu haiwan-haiwan yang melanggar *sunnatullah* (ketetapan Allah) sebagai makhluk yang sepatutnya tunduk kepada manusia sebagai khalifah Allah SWT bahkan menambah kemusnahan di muka bumi (al-Ityubi al-Wallawi, 1996).

Perkaitan tikus, cicak dan haiwan lain yang dinamakan Nabi SAW sebagai *fasiq*, hanya sebagai satu bentuk perumpamaan (*isti'arah*) kepada aspek kemudahan yang dibawa oleh haiwan-haiwan berikut (al-Mubarak Furi, t.t.). Imam Ibn Daqiq al-'Aid ada menyebutkan;

*"Memperlakukan hukum tersebut (memanggil fasiq) pada semua haiwan yang mempunyai sifat "mengganggu (menyakiti manusia)" merupakan pandangan yang kuat menurut ulama qias. Ini jelas menurut isyarat nas yang membolehkan membunuh kelompok haiwan tertentu, kerana sifatnya yang fasiq, yakni melampaui batas." (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006)*

Justeru, faktor utama haiwan dikaitkan dengan istilah *fasiq* amat berkaitan dengan sifat "*mengganggu*", "*mendatangkan mudarat*," dan "*melampaui batas*" haiwan-haiwan tertentu kepada manusia. Imam al-Nawawi ada menyatakan bahawa haiwan-haiwan tertentu digelar *fasiq* oleh kerana keluarnya hanya mengganggu dan membuat kerosakan di jalan yang biasa dilalui haiwan tunggangan (al-Nawawi, 1930).

### **Perkaitan Haiwan Fasiq dengan Haiwan Perosak**

Menurut *Kamus Dewan*, haiwan perosak bermaksud haiwan yang merosak dan memusnahkan sesuatu benda misalnya tanaman dan harta benda manusia. Haiwan perosak juga bererti haiwan yang jahat. Manusia seperti golongan petani tidak suka

dengan haiwan perosak dan ia dibunuh dengan penggunaan racun (Noresah Baharom et al., 2005). Melihatkan kepada takrifan secara asas, definisi haiwan perosak adalah sama dengan haiwan *fasiq*.

Namun, takrifan haiwan perosak dalam Islam lebih meluas. Para ulama menggunakan istilah haiwan *fasiq* kerana disabdakan Nabi SAW. Kelompok haiwan *fasiq* tidak terhad kepada haiwan yang disebutkan dalam riwayat sahaja (iaitu tikus, kala jengking, gagak, helang, cicak, ular dan anjing). Mereka turut memasukkan spesies haiwan lain seperti lipan, serigala dan harimau malah semua haiwan yang bersifat memusuhi manusia atau haiwan ternakan, menjejaskan kesihatan atau hasil tanaman dalam kategori "*haiwan fasiq*". Pendapat ini juga disokong oleh para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Oleh itu, para ulama turut bersepakat bahawa gelaran tikus sebagai *fasiq* untuk mengisyaratkan gelaran "*fasiq*" kepada semua haiwan yang mengganggu manusia dengan cara merosak dan memotong-motong sesuatu. Penyebutan gagak dan helang untuk mengisyaratkan semua haiwan yang mampu mengganggu manusia dengan menyambar seperti helang dan bersikap pengotor seperti gagak pemakan bangkai (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Manakala permissalan anjing '*aqur*' menunjukkan sifat *fasiq* haiwan yang menyerang dengan gigitan taringnya seperti serigala dan singa. Sebutan "*aqrab*" (kala jengking) untuk menunjukkan semua haiwan yang mengancam melalui gigitan beracun seperti ular, lipan, lebah dan sebagainya. Kesimpulannya, semua haiwan yang memiliki sifat-sifat yang ditonjolkan ketujuh-tujuh jenis haiwan *fasiq* adalah tergolong dalam kalangan haiwan yang harus dibunuh jika berbahaya dan terdapat ancaman (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Haiwan perosak mempunyai persamaan dengan haiwan *fasiq* dari aspek menghadirkan mudarat, gangguan dan ancaman kepada manusia, haiwan ternakan, harta benda dan hasil tanaman. Justeru, istilah haiwan perosak tidak berbeza dengan haiwan *fasiq*. Haiwan *fasiq* hanyalah istilah perumpamaan baginda SAW dalam memberi panduan untuk menentukan haiwan yang melampaui batas dan harus dihindari demi memelihara agama, nyawa, akal, harta benda dan keturunan umat Islam (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Daripada perbahasan tersebut, kelompok haiwan *fasiq* seperti ular, tikus, helang, cicak, kala jengking, anjing dan ular merupakan haiwan yang mempunyai tabiat buruk dan berbahaya. Setiap haiwan membawa motif dan kerosakan berbeza. Islam membolehkan kelompok haiwan *fasiq* dibunuh kerana kefasikannya (sifat melampaui batas) yang mendatangkan kesan negatif terhadap manusia.

Jadual 1: Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak

Haiwan Fasiq	Tabiat/Sifat	Spesies Haiwan Lain Sama Tabiat/Sifat (Haiwan Perosak)
<b>Tikus</b>	Pengotor Pembawa penyakit Memotong-motong dan merosak harta benda Merosak hasil tanaman	Lipan Belalang Juta Burung Quelea paruh merah Tupai Gajah Siput Babi Khinzir Anai-anai
<b>Kala Jengking</b>	Berbisa	Lipan

	Memudaratkan manusia Berupaya membunuh	Tebuan Penyengat Labah-labah berbisa
<b>Burung Gagak</b>	Pengotor Pemakan bangkai Pembawa penyakit Menggangu manusia dengan bunyi yang bising Mencuri dan merampas makanan manusia	Burung hering Monyet Kera
<b>Burung Helang</b>	Ganas Menyambar dengan kuku tajam Mengancam haiwan ternakan manusia	Musang Biawak Babun
<b>Anjing</b>	Bengis Pembawa Penyakit (contoh; <i>Rabies</i> ) Mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan gigi dan taring yang kuat Boleh menyebabkan kematian serta merta	Anjing liar Harimau Harimau kumbang Harimau bintang Serigala Beruang Singa Buaya Aligator Ikan jerung Piranha
<b>Ular</b>	Berbisa Memusuhi manusia Boleh menyebabkan kematian serta merta	Semua jenis ular berbisa seperti ular tedung, ular mamba hitam dan ular kapak Ular yang tidak mempunyai bisa tapi menggigit dengan gigi tajam seperti ular sawa dan anaconda hijau (spesies ular terbesar di dunia)
<b>Cicak</b>	Haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia Suka membuang najis merata-rata Pembawa virus dan bakteria merbahaya	Virus Bakteria Pijat Kutu Nyamuk Lalat

### **Sharh al-Hadith Mengenai Kala Jengking Sebagai Haiwan Perosak**

Kala Jengking dan Sifatnya

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: لَدَعَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَقْرَبٌ وَهُوَ فِي الصَّلَاةِ، فَقَالَ: "لَعَنَ اللَّهُ الْعَقْرَبَ مَا تَدْعُ الْمُصَلِّيَّ، وَعَقَبَ الْمُصَلِّيَّ، افْتُلُوهَا فِي الْحَلِّ وَالْحَرَمِ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada 'A'ishah RA berkata: Nabi SAW telah disengat kala jengking ketika dalam solat, Maka baginda SAW bersabda: "Allah SWT melaknat kala jengking yang mendatangi orang yang sedang solat atau tidak, lantas bunuhlah ia di tanah halal dan haram." [Hadith riwayat Ibn Majah] (Ibn Majah, 1986)

Lafaz *al-'Aqrab* merupakan istilah yang dirujuk terhadap kala jengking tidak kira jantan atau betina. Kala jengking merupakan haiwan melata berbadan panjang dan mempunyai banyak kaki. Matanya terletak di belakang dan tidak akan menyengat mangsanya kecuali apabila mangsa bergerak. Pandangan ini bertepatan dengan pendapat Ibn Manzur dan al-Azhari (al-Ityubi al-Wallawi, 1996).

Kala jengking merupakan spesies haiwan berbahaya. Sengatannya berbisa dan mampu membawa maut. Oleh itu, Nabi SAW telah mengajarkan doa memohon perlindungan dari kejahatan haiwan jenis ini sebagaimana hadith;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا لَقِيتُ مِنْ عَقْرَبٍ لَدَعَتْنِي الْبَارِحَةَ، قَالَ: "أَمَا لَوْ قُلْتَ حِينَ أَمْسَيْتَ أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ لَمْ تَضُرَّكَ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA berkata: "Seorang lelaki mengadu kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, aku terserempak dengan kala jengking dan ia telah menyengatku. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Kalaulah kamu membaca "Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang Maha Sempurna dari kejahatan makhluk yang diciptakan-Nya," nescaya kamu tidak akan dicelakakan olehnya. [Hadith riwayat Muslim] (Muslim, 2000)

Bagi mengubati sengatan kala jengking, Nabi Muhammad SAW telah membenarkan apa jua kaedah yang menepati hukum syara' selagimana dapat mencegah bisa dari mendatangkan mudarat kepada seseorang. Rasulullah SAW sendiri telah memberi kebenaran kepada keluarga 'Amru bin Hazm berkenaan ruqyah yang mereka gunakan untuk mengubati sengatan kala jengking dan memperakui cara para sahabat yang telah menjampi seorang ketua puak 'Arab yang telah disengat kala jengking (Ibn Majah, 1986). Nabi SAW juga membenarkan penggunaan nama-nama Allah dan ayat al-Qur'an dalam mengubati sengatan kala jengking seperti menjampi menggunakan surah al-Fatihah sebanyak tujuh kali. Inilah sebaik-baik ruqyah (al-'Adawi, t.t.). Ini sebagaimana hadith;

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: كَانَ لِي حَالٌ يَزْفِي مِنَ الْعَقْرَبِ، فَنَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقْيِ، قَالَ: فَأَتَاهُ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّكَ تَهَيْتَ عَنِ الرُّقْيِ، وَأَنَا أَرْقِي مِنَ الْعَقْرَبِ، فَقَالَ: مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَحَاهُ فَلْيَفْعَلْ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Jabir Ibn 'Abdillah RA berkata, sahabatku (memiliki) ruqyah yang biasa dilakukan jika terkena gangguan kala jengking

sedangkan Rasulullah SAW telah melarang ruqyah, maka Rasulullah SAW bersabda: "Datangkan dia kepadaku." Maka mereka menunjukkan kepada Rasulullah SAW (ruqyah itu) dan berkata: "Wahai Rasulullah SAW, engkau telah melarang ruqyah sedangkan aku hanya melakukan ruqyah jika terkena gangguan kala jengking." Lalu baginda SAW bersabda; "Barangsiapa yang mampu memberi manfaat kepada saudaranya, maka lakukanlah." [Hadith riwayat Muslim] (Muslim, 2000)

#### Hukum Membunuh Kala Jengking

Menurut Ibn Mundhir, para ulama bersepakat dalam bab keharusan membunuh kala jengking (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2001). Hukum membunuh kala jengking adalah sebagaimana ular (al-'Azim Abadi, 1968). Ia boleh dibunuh sama ada dari yang besar mahupun kecil. Ia sudah memiliki bisa sejak kecil dan mampu mengancam manusia (al-Ityubi al-Wallawi, 1996). Malah, Nabi Muhammad SAW pernah bersabda;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِقْتُلُوا الْأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلَاةِ: الْحَيَّةَ وَالْعَقْرَبَ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA: Rasulullah SAW bersabda: "Bunuhlah dua jenis kehitaman (meskipun) ketika solat, (yakni) kala jengking dan ular." [Hadith riwayat Abu Dawud] (Abu Dawud, 1988)

Hadith tersebut menjadi dalil harus membunuh kala jengking dan ular sekalipun dalam solat. Keharusan membunuh kala jengking ketika solat memberi pengertian umat Islam boleh membunuhnya dalam apa jua keadaan dan ketika (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2001).

Imam al-Khattabi turut menyebutkan di dalam kitab *Ma'alim al-Sunan* bahawa hadith tersebut menjadi sandaran kepada keharusan pergerakan yang ringan dalam solat. Perbuatan yang dilakukan sebanyak dua kali tidak membatalkan solat. Jika berlebihan barulah terbatal solat. Dalam hal membunuh ular dan kala jengking, lazimnya memerlukan satu atau dua kali perbuatan sahaja yang tidak membatalkan solat. Namun begitu, perbuatan membunuh ular dan kala jengking dalam solat menurut pandangan sesetengah sahabat RA dan selainnya dinilai sebagai *makruh* (dibenci) oleh kerana solat merupakan masa menumpukan kepada ibadah (al-'Adawi, 1999).

Haiwan perosak lain pembawa mudarat sepertimana kala jengking contohnya lipan, tebuan, penyengat, labah-labah dan seumpama juga harus dibunuh di sisi syara'. Dalam menyebutkan perihal tebuan (*al-Zanbur*), Saidina 'Umar RA mengharuskan membunuh tebuan dan lebah. Namun begitu, hal ini masih menjadi khilaf ulama. Sebahagian ulama menyamakan tebuan dan lebah dengan hukum pada kala jengking oleh kerana berbisa bahkan lebih bahaya lagi (al-Qurtubi, 2006).

Namun begitu, lebah atau tebuan tidak akan menyerang jika tidak diancam. Ia mempertahankan kawanannya apabila diganggu dan bukan dari sifatnya memusuhi manusia. Justeru, tiada keperluan untuk membunuhnya dan ia hanya dibunuh jika menyengat. Hukum ini turut terpakai kepada semut, lalat dan selainnya.

#### Prinsip dalam Interaksi dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Setiap makhluk mempunyai kepentingan dalam kitaran ekologi. Semua makhluk memiliki peranan tersendiri yang berbeza namun saling bergantung antara satu sama lain. Oleh itu, wujudnya hubungan sesama makhluk (Yusuf al-Qaradhawi, 1997).

Bagi meraikan hubungan tersebut, Islam mengajar umatnya supaya berakhlak mulia dan berkasih sayang sesama makhluk. Hal ini penting bagi memastikan

keharmonian dan keseimbangan ekosistem (Norhibah, 1999). Ini jelas sebagaimana sabda Rasulullah SAW;

"ارْحَمْ مَنْ فِي الْأَرْضِ ، يَرْحَمَكُ مَنْ فِي السَّمَاءِ"

Terjemahan: "Kasihlanilah makhluk di bumi, nescaya kamu dikasihi makhluk di langit. [Hadith Riwayat Abu Dawud al-Tiyalisi] (Abu Dawud al-Tiyalisi, t.t.)

Namun begitu, Islam bersikap tegas terhadap perbuatan melampaui batas berdasarkan prinsip mempertahankan *maqasid syari'ah* (tujuan, natijah atau maksud yang dikehendaki oleh syarak melalui sumber dalilnya menerusi al-Quran dan al-Sunnah). Pendirian ini bukan hanya diaplikasi terhadap manusia, bahkan turut meliputi semua makhluk. Rasulullah SAW pernah bersabda melalui riwayat 'Ubadah Ibn al-Samit RA;

" لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ "

Terjemahan: "Tidak boleh merosakkan dan tidak boleh mengekalkan kerosakan." [Hadith Riwayat Ibn Majah] (Ibn Majah, 1986)

Menurut Imam al-Shatibi, mendatangkan kerosakan dan mengekalkan kerosakan adalah dilarang Islam sama ada secara menyeluruh atau tidak (al-'Adawi, 1999). Ibn 'Abd al-Barr menukulkan pandangan al-Khashani<sup>4</sup> dalam *al-Istidhkar* berkenaan maksud '*membawa kerosakan dan mengekalkan kerosakan*'. Maksud '*membawa kerosakan*' adalah sesuatu yang bermanfaat (kepada yang berkehendak), tetapi memudaratkan jiran atau orang sekeliling. Manakala maksud '*mengekalkan kerosakan*' adalah sesuatu yang tidak bermanfaat kepadanya dan orang lain (al-'Adawi, 1999).

Kemusnahan atau kepincangan tidak boleh dibiarkan berlaku tanpa sebarang pencegahan. Usaha mempertahankan kemaslahatan dan menolak kejahatan itu sendiri sudah dikira sebagai ibadah (al-'Azim Abadi, 1968). Justeru, Islam menolak sekeras-kerasnya sebarang bentuk perlakuan yang menjurus kepada kerosakan, kezaliman dan kemusnahan baik dari manusia atau haiwan. Firman Allah SWT;

... لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ ... ۱۱

Terjemahan: "... Janganlah melakukan kerosakan di bumi ..." [Surah al-Baqarah (2): 11]

Oleh itu, prinsip "*mengharamkan kerosakan dan penyalahgunaan hak*" merupakan asas interaksi antara manusia dan haiwan. Haiwan yang melanggar prinsip ini digelar sebagai "*fasiq*" yakni melampaui batas.

Atas asas yang sama, Islam membolehkan membunuh spesies haiwan tertentu seperti ular, tikus atau seumpama yang bersifat dengan *fasiq* (melampaui batas, suka membuat kemusnahan dan kerosakan) terhadap manusia. Hal ini bertujuan memelihara kesejahteraan hidup daripada sebarang bentuk ancaman (al-Sahhar Nafawri, t.t.).

<sup>4</sup> Nama penuh beliau ialah Abu Bakr Ibn Mas'ud Ibn Ahmad Al Khasani. Namun tidak dapat dipastikan tahun kelahirannya. Beliau meninggal pada tahun 587 H di Halb (sekarang dikenal sebagai kota Aleppo, Syria)

### Set Nilai dan Etika dalam Interaksi dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Etika bermaksud perwatakan, tingkah laku dan kumpulan prinsip moral yang mempengaruhi kelakuan (Judy Pearsall, 1999). Dari sudut istilah, etika merupakan satu set nilai, norma dan asas moral yang menentu dan membeza sesuatu tindakan manusia sama ada betul atau salah, baik atau buruk. Etika bertindak sebagai kriteria dalam memastikan prosedur yang digunakan adalah betul, hasil kerja menepati spesifikasi dan keputusan dicapai tepat, konsisten dan berdaya maju (Muhammad Loqman, 2001). Dengan adanya piawaian sedemikian, penyelewengan, penyalahgunaan dan lain-lain bentuk salah laku dapat dihindarkan.

Berdasarkan penelitian, nilai dan etika yang mesti diterapkan dalam *mu'amalah* (interaksi) antara manusia dengan haiwan *fasiq* (haiwan perosak) adalah berikut;

#### Pertama: Amanah

Amanah diertikan sebagai dipercayai dan jujur (Miqdad Yaljin, 1973). Yusuf al-Qaradawi mendefinisikan amanah sebagai menyampaikan setiap hak kepada pemiliknya, sama ada banyak atau sedikit. Ia turut bermaksud memenuhi hak dalam sesuatu perbuatan dan tidak mengurangnya walau sedikit (Yusuf al-Qaradawi, 1995). Nilai amanah cukup signifikan dalam hubungan antara manusia dan haiwan *fasiq*. Dengan penerapan sifat amanah, hak-hak haiwan dapat dipenuhi. Haiwan hanya dibunuh apabila melampaui batas. Firman Allah SWT;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٧

Terjemahan: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan janganlah kamu mengkhianati amanat-amanah yang dipercayakan kepadamu sedang kamu mengetahui." [Surah al-Anfal (8): 27]

#### Kedua: Syukur

Syukur merupakan sikap berterima kasih atas nikmat kurniaan Allah SWT. Syukur bukan sahaja tertanam dalam jiwa bahkan terserlah melalui tingkah laku. Dengan adanya nilai syukur, melenyapkan sifat mazmumah dan patuh terhadap aturan-Nya. Penghayatan nilai syukur dapat membersihkan hati dari sifat dendam dan niat jahat terhadap haiwan. Ia menghalang dari melakukan penganiayaan terhadap haiwan. Manifestasi ketidaksyukuran manusia ialah seperti merosak, memusnah habitat haiwan serta membunuh atas alasan dendam atau mengejar keuntungan (al-Ghazali, 1990).

#### Ketiga: Futuristik

Berpandangan jauh berkait rapat dengan sikap cermat. Cermat di sini merujuk kepada sikap berhemat, berhati-hati dan teliti. Ia merupakan sinambungan dari sifat syukur. Dalam aspek pendekatan manusia terhadap haiwan *fasiq*, Islam mengajarkan agar anak-anak haiwan *fasiq* dan spesies haiwan yang tidak mengancam manusia dibiarkan tidak diganggu. Ini bertujuan supaya keharmonian alam kekal konsisten.

#### Keempat: Ihsan

Ihsan bererti perbuatan atau tindakan yang baik dan betul (Khalil al-Nahwi, 1991). Dari segi istilah, ihsan mempunyai beberapa komponen definisi. Pertama; kebaikan, kebajikan, keikhlasan, baik hati dan belas kasihan (al-Maududi, 1965). Kedua; patuh kepada perintah dan larangan Allah SWT dan Rasul-Nya secara terang atau sembunyi.

Ketiga; melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh. Justeru, ihsan boleh dirumuskan sebagai melakukan sesuatu yang baik, menghindari keburukan dengan cara yang betul dan penuh keikhlasan kerana Allah SWT (al-Sharbashi, 1981).

Manusia dituntut supaya mengasihi setiap komponen alam termasuk haiwan kerana semuanya merupakan lambang keagungan Allah SWT. Atas rasa *ihsan* dan *mahabbah*, manusia dilarang bertindak kejam terhadap haiwan. Manusia perlu berhati-hati dalam tindakan kerana Allah SWT sentiasa memerhati. Hasilnya, kezaliman tidak berlaku dan wujud perasaan saling mengasihani.

Kelima: Adil

Tuntutan ihsan perlu dilengkapi dengan nilai adil bagi mewujudkan norma yang seimbang. Adil lawannya zalim dan bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya serta memberi pada yang berhak tanpa menindas yang lain ('Ali al-Muhsini, 1998). Sebagai khalifah di muka bumi, manusia perlu adil dalam bertindak dan menghukum. Setiap haiwan perlu diberi kebebasan untuk hidup dengan aman tanpa sebarang gangguan selagimana ia tidak melampaui batas sempadan terhadap manusia. Umat Islam turut perlu memahami nilai *tawazun* (seimbang), iaitu bersederhana, tidak terlalu keras atau terlalu mengambil mudah. Hanya dengan itu, gangguan ekosistem atau bencana kepupusan dapat dibendung.

Keenam: Ta'awun

Ta'awun merujuk sikap tolong menolong dalam perkara kebaikan dan menghindari keburukan. Setiap muslim bertanggungjawab ke atas diri sendiri dan orang lain dalam seruan ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Menghilangkan kemudaratan dari segenap arah, termasuk ancaman haiwan *fasiq* tergolong dalam ruang lingkup *amar ma'ruf*, manakala menzalimi dan membunuh haiwan tanpa hak merupakan perkara *nahy mungkar*. Kerjasama erat antara anggota masyarakat dapat menjamin keharmonian hidup. Bayangkan jika haiwan *fasiq* seperti ular berbisa dan anjing liar dibiarkan bebas tanpa kawalan, nescaya jiwa tidak akan tenteram (Mardzelah Makhsin, 2007). Firman Allah SWT;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ

Terjemahan: "Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran."  
[Surah al-Ma'idah (5): 2]

### **Teknik Kawalan Terhadap Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) Menurut *Sharh al-Hadith***

Mengenal Spesies Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Mengenal haiwan *fasiq* dan jenis seumpamanya merupakan piawaian utama. Haiwan *fasiq* (haiwan perosak) dikenalpasti berasaskan empat kriteria utama iaitu:

[*Pertama*]: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup (melampaui batas).

[*Kedua*]: Haiwan yang mengancam nyawa dan kesihatan.

[*Ketiga*]: Haiwan yang merosakkan harta benda (membuat kemusnahan dan kerosakan).

[*Keempat*]: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman.

Memahami sifat-sifat haiwan *fasiq*, membolehkan langkah mengenalpasti, mencegah dan menangani ancaman kelompok haiwan perosak dan seumpama dapat dilakukan secara berkesan. Ini sekali gus mengelakkan sebarang kekeliruan yang boleh mengakibatkan pembabitan haiwan yang tidak terlibat.

#### Kaedah Membunuh Haiwan Perosak

Metode terbaik dalam berinteraksi dengan kelompok haiwan *fasiq* (haiwan perosak) sekaligus menghilangkan mudaratnya pada manusia ialah dengan cara membunuh. Malah, gelaran *fasiq* terhadap haiwan itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh. Hal ini berlandaskan kaedah fiqh *al-Darar Yuzaal*, iaitu kemudaratan mesti dihapuskan (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2001).

Islam menganjurkan umatnya menggunakan cara paling ihsan dalam melaksanakan pembunuhan. Cara terbaik untuk membunuh kelompok haiwan tersebut ialah dengan satu pukulan yang terus mematikan. Hal ini dikiaskan dari cara membunuh cicak yang diajarkan Nabi Muhammad SAW. Sekaligus mengelakkan haiwan tersebut terseksa menanggung kesakitan sementara menunggu pukulan kedua (al-Sanusi al-Hasani, t.t.). Ini berdasarkan hadith;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَتَلَ وَزَعَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً، وَمَنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّانِيَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِذُنُوبِ الْأُولَى، وَإِنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّلَاثَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِذُنُوبِ الثَّانِيَةِ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua tadi." [Hadith Riwayat Muslim] (Muslim, 2000)

Sheikh 'Iz al-Din Ibn 'Abd al-Salam turut menyebutkan membunuh dengan pukulan pertama merupakan kaedah terbaik bahkan menepati maqasid hadith Nabi SAW berikut;

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ قَالَ: "إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Shaddad Ibn Aws RA, sesungguhnya Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan ihsan kepada semua perkara. Jika kamu membunuh, maka perelokkan pembunuhan kamu." [Hadith Riwayat Muslim] (Muslim, 2000)

Mengulas cara paling tepat membunuh haiwan *fasiq*, harus diteliti pada tindakan Saidatina 'A'ishah RA. Beliau menggunakan tombak dan lembing untuk membunuh cicak.

عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ، أَنَّ امْرَأَةً دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ وَبِيَدِهَا عُكَّازٌ، فَقَالَتْ: مَا هَذَا؟ فَقَالَتْ: هَذِهِ الْوَزِغُ، لِأَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدَّثَنَا أَنَّهُ لَمْ يَكُنْ شَيْءٌ إِلَّا يُطْفِئُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، إِلَّا هَذِهِ الدَّابَّةُ، فَأَمَرْنَا بِقَتْلِهَا

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Sa'id Ibn al-Musayyib RA, ada seorang perempuan (Ummu Sharik) datang kepada 'A'ishah RA dan di tangannya ada lembing. Maka 'A'ishah bertanya: Untuk apakah lembing ini? Ummu Sharik pun menjawab: Untuk membunuh cicak. "Sesungguhnya Nabi SAW telah menceritakan saat Nabi Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, maka Nabi SAW memerintahkan agar membunuhnya." [Hadith Riwayat al-Nasa'i] (al-Nasa'i, 1988)

عَنْ سَائِبَةَ مَوْلَاةِ الْفَاكِهِ بْنِ الْمُغِيرَةَ أَنَّهَا دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ فَرَأَتْ فِي بَيْتِهَا رُمْحًا مَوْضُوعًا، فَقَالَتْ: يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ، مَا تَصْنَعِينَ بِهَذَا؟، قَالَتْ: نَقْتُلُ بِهِ هَذِهِ الْأَوْزَاعَ، فَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْبَبَنَا: "أَنَّ إِبْرَاهِيمَ لَمَّا أُلْفِيَ فِي النَّارِ، لَمْ تَكُنْ فِي الْأَرْضِ دَابَّةٌ إِلَّا أَطْفَأَتِ النَّارَ عَيْرَ الْوَزِغِ، فَإِنَّهَا كَانَتْ تَنْفُخُ عَلَيْهِ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَتْلِهِ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Sa'ibah Maulah al-Fakih Ibn al-Mughirah bahawasanya dia menemui 'A'ishah RA dan melihat di dalam rumahnya terdapat sebuah tombak. Dia pun bertanya kepada 'A'ishah RA: "Wahai Umm al-Mu'minin, apa yang engkau lakukan dengan tombak ini? 'A'ishah RA menjawab: "Untuk kami membunuh cicak-cicak. Sesungguhnya Nabi SAW pernah memberitahu kami bahawa tatkala Ibrahim AS dilemparkan ke dalam api tidak ada satu pun haiwan di bumi saat itu kecuali dia akan memadamkannya kecuali cicak yang meniup-niupkan apinya. Maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya." [Hadith Riwayat Ibn Majah] (Ibn Majah, 1986)

Ini dilakukan agar urusan pembunuhan menjadi lebih baik (al-Ityubi al-Wallawi, 1996) sebagaimana dikiaskan dari penggunaan pisau tajam untuk menyembelih haiwan sembelihan agar tidak menyeksakan dan kurang mendatangkan kesakitan.

Selanjutnya, Islam melarang membunuh haiwan dengan cara membakar, melemas, merejam, memberi makanan beracun atau cara lain berasaskan kekejaman. Ini berpandukan hadith;

أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "نَزَلَ نَبِيٌّ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ تَحْتَ شَجَرَةٍ فَلَدَعَتْهُ مَلَّةٌ فَأَمَرَ بِجَهَارِهِ فَأُخْرِجَ مِنْ تَحْتِهَا، ثُمَّ أَمَرَ بِبَيْتِهَا فَأُحْرِقَ بِالنَّارِ فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِ فَهَلَا مَلَّةٌ وَاحِدَةٌ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda; "Seorang nabi daripada nabi-nabi telah duduk di bawah sebatang pokok, dan seekor semut betina menggigitnya, maka baginda telah memerintahkan pengikutnya supaya keluar dari (kawasan) bawah pokok

tersebut. Kemudian baginda memerintahkan supaya dibakar seluruh sarang semut tersebut dengan api, maka Allah SWT mewahyukan kepadanya: Adakah hanya kerana seekor semut betina?" [Hadith riwayat al-Bukhari] (al-Bukhari, 1980)

#### Kaedah Memukul dan Menyembur Racun Pada Muka Haiwan Perosak

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: "نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الضَّرْبِ فِي الْوَجْهِ، وَعَنِ الْوَسْمِ فِي الْوَجْهِ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Jabir RA berkata: "Rasullullah SAW melarang memukul haiwan pada bahagian muka dan menyembur racun pada mukanya." [Hadith riwayat Muslim] (Muslim, 2000)

Mengulas nas berikut, memukul haiwan pada bahagian muka adalah dilarang kerana kepala merupakan anggota tubuh yang lembut dan sensitif. Ijma' ulama turut mengharamkan semburan racun pada muka haiwan berdarah (*al-Adami*) seperti keldai dan unta kerana menyiksa haiwan. Dalam riwayat lain, baginda SAW pernah melaknat orang yang meracun himar (keldai) pada wajahnya (al-Nawawi, 1930).

Bagi perbuatan menyembur racun pada wajah haiwan tidak berdarah (*ghair al-Adami*) seperti kala jengking, Imam al-Nawawi menghukum makruh perbuatan tersebut. Imam al-Baghawi pula tetap tidak membolehkannya, dengan merujuk kepada laknat Nabi SAW yang menunjukkan pengharaman sesuatu perbuatan.

Kesimpulannya, menyembur racun pada muka haiwan berdarah (*al-Adami*) adalah haram. Semburan racun yang diharuskan Islam hanya pada anggota selain dari muka. Misalnya pada belakang badan unta dan lembu bertujuan membezakan haiwan ternakan. Inilah pegangan sahabat RA dan jumur ulama. Namun, Imam Abu Hanifah tetap tidak membolehkannya dan menghukum makruh kerana menyeksakan haiwan (al-Nawawi, 1930).

Sebaiknya, penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan *fasiq* jenis berdarah (*al-Adami*) perlu dielakkan. Kaedah seperti menembak dan memukul lebih berkesan terhadap kelompok tersebut. Hal ini kerana racun boleh memberi kesan buruk yang menyeksakan dengan cara meresap ke dalam saluran darah dan merosakkan organ dalaman haiwan.

Bagi haiwan tidak berdarah (*ghair al-Adami*), menyembur racun pada bahagian selain muka adalah harus. Jika menyembur racun pada bahagian muka, hukumnya makruh dan tidak sampai kepada hukum haram (al-Nawawi, 1930). Ini mengambil kira pandangan Imam al-Nawawi dan kesulitan dalam menangani ancaman haiwan *fasiq* tidak berdarah (*ghair al-Adami*) yang kecil, licik dan sukar ditentukan bahagian yang ingin disembur racun.

#### Kaedah Pemindahan dan Pemusnahan Habitat Haiwan Perosak

Habitat haiwan *fasiq* (haiwan perosak) yang tinggal jauh dari manusia seperti kala jengking, ular, helang atau seumpama tidak boleh dimusnahkan. Hal ini kerana ia menjadi tempat tinggal anak-anak haiwan terbabat yang terkecuali dari hukum haiwan *fasiq*. Haiwan jenis ini lebih tertumpu mencari mangsa untuk dimakan, bersifat mementingkan kawasan dan jarang mengganggu manusia melainkan diancam atau kawasannya telah diceroboh.

Bagi spesies haiwan *fasiq* (haiwan perosak) yang tinggal di dalam atau berhampiran persekitaran manusia sehingga menghadirkan gangguan dan ancaman seperti tikus, gagak, anjing dan cicak. Habitat tersebut wajib dimusnahkan dan anak-anaknya perlu dibunuh atau dipindahkan dari penempatan manusia.

### Kaedah Efektif Kontemporari Selaras dengan Tuntutan Syara'


Bagi haiwan *fasiq* yang lebih besar dan tidak mungkin mati dengan satu pukulan seperti anjing, gagak dan helang, cara lain adalah diharuskan seperti menembak, memasang jerat, perangkap dan penggunaan pagar elektrik harus dilakukan jika berkesan menghindarkan gangguan makhluk perosak dengan syarat tiada unsur penyeksaan dan ikhlas kerana Allah SWT (al-Nawawi, 1930).

Metode lain adalah harus dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Prinsip utama dalam interaksi dengan haiwan *fasiq* (haiwan perosak) mestilah dijaga, iaitu membunuh bukan sekadar suka-suka, tetapi atas dasar masalah, ikhlas dalam perbuatan, tidak mengandungi unsur penyeksaan dan penganiayaan haiwan serta efektif. Islam mengutuk perbuatan membunuh mana-mana haiwan tanpa keperluan. Ini dijelaskan hadith,

عَنْ عَمْرِو بْنِ الشَّرِيدِ، قَالَ: سَمِعْتُ الشَّرِيدَ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: "مَنْ  
فَتَلَ عُصْفُورًا عَبَثًا، عَجَّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَقُولُ: يَا رَبِّ، إِنَّ فُلَانًا فَتَلَنِي عَبَثًا، وَمَنْ يَفْتُلْنِي  
لِمَنْفَعَةٍ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada 'Amru Ibn al-Sharid berkata, aku mendengar al-Sharid RA berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa membunuh burung secara sia-sia, kelak ia akan mengadu di hadapan Allah SWT dengan berkata: "Ya Allah ya tuhanmu, si fulan telah membunuhku dengan sia-sia." [Hadith Riwayat al-Nasa'i] (al-Nasa'i, 1988)

Rajah 1: Pendekatan Dalam Interaksi Manusia Terhadap Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)



**Kesimpulan**

Islam bukanlah agama yang menganjurkan kekejaman dan menafikan hak haiwan untuk hidup. Selagi mana haiwan itu hidup, Islam meraikan kewujudannya. Namun begitu, terdapat beberapa spesies haiwan yang bertindak melampaui batas dengan gangguan dan mudarat terhadap manusia sehingga memberi impak negatif kepada

kelestarian hidup. Rasulullah SAW turut pernah memperingatkan akan potensi mudarat yang mampu dihadirkan kelompok haiwan tertentu termasuk kala jengking terhadap manusia semenjak ribuan tahun dahulu.

Oleh itu, terdapat kaedah kawalan tertentu yang dianjurkan Islam bagi mengawal kelompok haiwan terbabit. Bahkan dalam Islam, menghilangkan kemudaratan dari segenap arah termasuk ancaman haiwan *fasiq* tergolong dalam *amar ma'ruf*, manakala menzalimi dan membunuh haiwan tanpa hak merupakan perkara *nahy mungkar*. Hal ini tidak lain demi memelihara kesejahteraan hidup manusia dari sebarang bentuk ancaman meskipun dari golongan haiwan.

Justeru, pengkaji meletakkan harapan agar makalah ini dapat dimanfaatkan bersama khususnya dalam membentuk satu garis panduan dalam teknik kawalan makhluk perosak berasaskan Islam yang dapat dijadikan rujukan bersama.

### Rujukan

- 'Abd al-Rahman Muhammad Idris al-Razi Ibn Abi Hatim, Tafsir al-Qur'an al-'Azim (Makkah-Riyadh: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz, 1997), 4: 1148-1149
- 'Ali al-Muhsini, Dawr al-'Adalah fi al-Tanmiyah al-Iqtisadiyyah, Majallah Islamiyyah Fikriyyah al-Tawhid, 95, Julai 1998, 54
- 'Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawi, Sharh Sunan al-Nasa'i al-Musamma Dakhirah al-'Uqba fi Sharh al-Mujtaba (Riyadh: Dar al-Mi'raj al-Dawliah lil Nashr, 1996), 24: 390-391
- 'Imad al-Din Abu al-Fida' 'Isma'il Ibn Kathir al-Dimashqi, Tafsir al-Qur'an al-'Azim (Kaherah: al-Faruq al-Hadithiyyah li al-Taba'ah wa al-Nashr, 2000), 13: 144-148
- Abd Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000), 174-194
- Abu 'Abd Allah Muhammad Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an (Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006), 6: 41
- Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr al-Qurtubi, Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah, 2006), 8: 183
- Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Isma'il al-Bukhari, Al-Jami' al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasullillah wa Sunanih wa Ayyamih (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 1980), 2: 447
- Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Yusuf al-Sanusi al-Hasani, Mukammil Ikmal al-Ikmal Sharh Sahih Muslim (Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.), 3: 313
- Abu 'Abd Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1988), 682
- Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, "Sahih Muslim," dalam Mawsu'at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, ed. Salih Ibn 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi', 2000), 1056
- Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi, 'Aun al-Ma'bud Sharh Sunan Abu Dawud (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 174
- Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ashath al-Sajistani, Sunan Abu Dawud (Riyadh: al-Maktabah al-Ma 'arif lil Nashr wa al-Tawzi', 1988), 160
- Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad Al-Ghazali, Ihya' 'Ulum al-Din (Damsyik: Dar al-Khayr, 1990), 4: 335-339
- Agustin Hernandez Anaya, Incidence of Deaths by Poisoning Animals in the Endemic Region during the Twentieth Century, J. Indian Acad. Forensic Med. 2013, 35 (2), 156-159.

- Ahmad al-Sharbashi, *Mawsu'ah Akhlaq al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Ra'id al-Ghasb, 1981), 2: 44
- Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Wataniah Ithna' Nashr, 2001), 4: 45.
- Donnelly, James H., Jr. et al., *Fundamentals of Management*, ed. ke-10, (Boston: Irwin/Mc Graw Hill, 1998), 97
- Genevieve De Becker, *L'Atlas Des Animaux*, (terj.) Rosana Hariyanti et al, *Atlas Haiwan Alves dan Invertebrata* (Solo: Tiga Serangkai Pustaka Mandiri, 2006), 72-73
- Himmatrao Saluba Bawaskar, Pramodini Himmatrao Bawaskar, *Scorpion Sting: Update*, JAPI, 2012, 60: 46-55.
- Hope B. Werness, *The Continuum Encyclopedia of Animal Symbolism In Art* (New York: The Continuum International Publishing Group Inc, 2003), 360
- Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, (terj.) Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 195-196
- Ibn Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah* (Riyadh: Maktabah al-Ma 'arif lil Nashr wa al-Tawzi', 1986), 400
- Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, (Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t.), 5: 3413-3414
- Judy Pearsall, *The Concise Oxford Dictionary*, ed. ke-10 (Oxford: Oxford University Press, 1999), 489.
- Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 451
- Keith Brown et al., *Oxford Student's Dictionary of English* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2007), 567
- Khalil al-Nahwi, *al-Mu'jam al-'Arabi al-Muyassar* (Larousse: Munazzamah al-'Arabiah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum, 1991), 318
- Mardzelah Makhsin, *Sains Pemikiran Dan Etika* (Kuala Lumpur: PTS Professional, 2007), 256
- Miqdad Yaljin, *Al-Ittijah al-Akhlaq Fi al-Islam* (Mesir: Maktabah al-Khanji, 1973), 35
- Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, "Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam," dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 526-532
- Muhammad Ibn 'Abd Rahman Ibn 'Abd Rahim al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr lil Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', t.t.), 6: 227-228
- Muhammad Loqman, *Islamic Ethics In Management*, dalam *Ethics In Business And Management*, ed. Khaliq Ahmad et al. (London: ASEAN Academic Press, 2001), 276
- Nor 'Azzah Kamri dan Munirah Abd Razzak, *Pendekatan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dalam Mengurus Alam Sekitar Secara Beretika*, *Jurnal Usuluddin* 32, 131-177
- Norhibah Hasan Zawawi, *Konsep Islam Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 69
- Paula Hammond, *The Atlas of the World Most Dangerous Animals* (New York: Amber Book Ltd, 2004), 20-21
- Safa al-Dawwi Ahmad al-'Adawi, *Ihda' al-Dibajah bi Sharh Sunan Ibn Majah* (t.tp., Maktabah Dar al-Yaqin, 1999), 3: 128
- Sheikh Khalil Ahmad al-Sahhar Nafawri, *Bazal al-Majhud fi Hal Abu Dawud* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, t.t.), 20: 206.

- Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed & Zulfili Haron, Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis, 4
- Steve Stedford, Intisari Ilmu Hewan Merayap, (terj.) Hindrina Perdhana Sari (Indonesia: Penerbit Erlangga, 2005), 108
- Sulayman Ibn Dawud Ibn al-Jarud, Musnad Abu Dawud al-Tiyalisi (Mesir: Hajar, t.t.), 1: 262
- Syed Abu al-'Ala al-Maududi, Memahami al-Qur'an (t.tp. Cetakan Delhi, 1965), 562
- Upik Kesumawati Hadi, Laboratorium Entomologi, Bagian Parasitologi dan Entomologi Kesehatan, Fakultas Kedokteran Hewan IPB Bogor, Indonesia, 1-5
- Yahya Ibn Sharf Al-Nawawi, Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim (Mesir: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1930), 14: 97
- Yusuf al-Qaradawi, Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 398
- Yusuf al-Qaradhawi, Fiqih Peradaban Sunnah Sebagai Paradigma Ilmu Pengetahuan (Surabaya: Dunia Ilmu, 1997), 185